

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

TARIKH : 07.11.2017

SOALAN : NO. 15

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah [Tambun] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah peningkatan prestasi universiti tempatan di kalangan universiti di dunia memudahkan graduan mendapat pekerjaan. Berapakah graduan yang masih tidak mempunyai pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lonjakan 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) memberi tumpuan kepada penghasilan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Ia juga bertujuan untuk menyasarkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran.

Penarafan *Quacquarelli Symonds Graduate Employability Rankings 2018* (QSGER), membuat penilaian berdasarkan 5 faktor iaitu penilaian universiti oleh majikan melalui *The QS Employer Survey*, kualiti alumni universiti, kolaborasi industri dalam setiap fakulti, penglibatan tokoh industri dalam aktiviti kampus dan kadar kebolehpasaran graduan universiti itu sendiri. Dalam hal ini, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia berada dalam kelompok 300 universiti terbaik dunia QSGER

bagi faktor penilaian kebolehpasaran graduan. Universiti Teknologi Mara dan Universiti Kebangsaan Malaysia turut tersenarai dalam kelompok 301-500 penarafan tersebut.

Selari dengan permintaan industri, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha dalam meningkatkan kualiti graduan melalui pelaksanaan beberapa program seperti berikut:

- (i) Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) yang menilai kebolehan pelajar dalam bidang keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan juga berkomunikasi.
- (ii) Sebanyak 22 program 2u2i di 7 universiti awam yang merupakan program *work based learning* (belajar sambil bekerja) di mana pelajar berada 2 tahun di universiti dan 2 tahun di industri.
- (iii) Program CEO@Fakulti yang melibatkan perkongsian pengalaman dan kepakaran tokoh-tokoh korporat yang berwibawa antaranya melibatkan CEO daripada Exxon & Mobil, Maybank, CIMB, Khazanah dan lain-lain.
- (iv) Pelaksanaan *Gap Year* yang merupakan program pilihan dan bukan paksaan di mana pelajar dibenarkan meninggalkan pengajian formal bagi tempoh satu tahun kalendar akademik untuk terlibat dalam program seperti program sukarelawan atau perkhidmatan komuniti.

- (v) Pelaksanaan program Cambridge Accessible Tests (CATs) diperkenalkan bagi menilai kebolehan membaca, menulis, mendengar dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

KPT pada masa yang sama turut menjalankan program-program lain di dalam usaha mempertingkatkan kadar kebolehpasaran graduan antaranya Program Pusat Kecemerlangan Industri, Program Dwi Ijazah (*multi-disciplinary*) di beberapa universiti awam, pengenalan inisiatif penilaian bahasa Inggeris melalui *Malaysian Higher Education English Assessment* (MEA) dan program pensyarah sebagai *practitioner* menjelang tahun 2023 serta penyaluran dana GE yang melibatkan kolaborasi antara industri dan institusi pendidikan tinggi awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sistem Kajian Pengesanan Graduan IPT (SKPG) yang dijalankan oleh KPT pada tahun 2016 mendapati bahawa 54,103 orang graduan masih belum bekerja dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian.